

**Parlimen: Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Dibentang Di Dewan Rakyat
Bernama
19 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, yang bertujuan mengadakan peruntukan bagi ganjaran kepada pemberi maklumat, dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat Khamis.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Douglas Uggah Embas membentangkan pindaan pada

Fasal 19 yang bertujuan memasukkan seksyen baru 49B yang dicadangkan bagi mengadakan peruntukan bagi ganjaran kepada pemberi maklumat.

Menurutnya Ketua Pengarah boleh memerintahkan supaya ganjaran patut dibayar kepada pemberi maklumat bagi perkhidmatan, maklumat, pernyataan atau bantuan berkenaan pengesanan apa-apa kesalahan di bawah akta itu.

Pindaan itu juga bertujuan melindungi pemberi maklumat dengan merahsiakan identitinya daripada diketahui, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660280>